

# PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Di bawah rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), nilai-nilai murni diterapkan bukan sahaja dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, tetapi juga dalam semua mata pelajaran yang lain. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN), KBSM digubal berdasarkan kepada prinsip persepaduan antara unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani. Persepaduan unsur-unsur ini akan membolehkan potensi individu berkembang secara menyeluruh dan seimbang. Justeru itu, untuk mencapai matlamat Pendidikan Kebangsaan, pelajar-pelajar sekolah menengah diberi peluang menghayati nilai-nilai murni serta mengamalkannya dalam kehidupan mereka melalui mata pelajaran Pendidikan Moral secara langsung, dan melalui mata-mata pelajaran lain secara tidak langsung.


Matlamat Pendidikan Negara ialah melahirkan insan yang baik seperti percaya kepada Tuhan, berakhlak mulia, setia kepada negara, bertanggungjawab serta memupuk semangat kerjasama dan perpaduan berbilang kaum. Nilai-nilai tersebut boleh disemai dan dipupuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran(P&P) di sekolah.

Pendekatan strategi, kaedah dan teknik P&P di peringkat sekolah menengah adalah berlandaskan kepada rancangan KBSM yang telah digubal berdasarkan kepada Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara. Objektif pelajaran dalam rancangan KBSM ini ialah melahirkan pelajar yang berilmu

pengetahuan dengan memperkembangkan potensi mereka secara menyeluruh serta memupuk nilai-nilai murni yang diterapkan dalam semua mata pelajaran KBSM, demi mencapai kesepaduan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani di kalangan pelajar. Rajah 1.1 berikut menghuraikan perkaitan di antara objektif pelajaran KBSM dengan Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara.

RAJAH 1.1

Perkaitan objektif pelajaran KBSM dengan Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara



(Sumber: Mok Soon Sang, 1994)

Untuk melaksanakan hasrat FPN dan matlamat pendidikan, suatu rancangan pendidikan harus disediakan. Biasanya ia merujuk kepada kurikulum yang dianggap sebagai jantung kepada sesuatu rancangan pendidikan.

Kementerian Pendidikan yang diberikan tanggungjawab menyediakan kurikulum telah melaksanakannya di peringkat sekolah rendah, dan sekolah menengah. Di peringkat sekolah menengah, KBSM dilaksanakan sepenuhnya mulai 1989.

Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Buku Teks (BBT) telah membelanjakan hampir RM700 juta sejak Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dilancarkan pada tahun 1975 (Abdul Shukur Abdullah,1990). Dengan terlaksananya KBSM, peranan buku teks juga menjadi semakin penting. Penerapan nilai-nilai murni yang merupakan intipati KBSM turut menjadi keutamaan dalam penulisan buku-buku teks KBSM.

Strategi yang diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah menerapkan nilai-nilai murni merentas kurikulum. Ini bererti, nilai-nilai murni akan disisipkan melalui semua mata pelajaran. Ini bererti, buku teks yang ditulis akan memuatkan nilai-nilai murni dalam teks yang dihasilkan. Pengetahuan tentang nilai-nilai murni dalam mata pelajaran perlu disampaikan oleh guru yang mengajar mata pelajaran yang diajar. Walaupun tumpuan khas bagi mengajar nilai-nilai murni telah dilakukan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, tetapi ini masih tidak memadai. Sebab itulah semua mata pelajaran berperanan memperkukuhkan pengajaran serta penerapan nilai-nilai tersebut, termasuklah mata pelajaran Sains yang menjadi pilihan penulis untuk kajian ini.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan mutakhir menyaksikan terdapatnya kebimbangan berlakunya penghakisan nilai-nilai murni dalam masyarakat Malaysia. Kehidupan masa depan yang semakin mencabar akan menjadikan 'era globalisasi' terpaksa dihadapi oleh setiap individu pelajar. Mereka mahu tidak mahu akan turut terlibat dalam setiap perubahan yang berlaku dalam dunia sarwajagat ini.

Cabaran-cabaran semasa juga menjadikan langkah untuk memanusiakkan pelajar dalam erti kata membina insan yang luhur dan membangunkan sumber kemanusiaan yang utuh, seimbang dan sepadu adalah semakin penting dan mendesak. Menyedari pentingnya masalah ini diatasi, FPN diperkenalkan dalam sistem pendidikan dan diterima umum pada tahun 1988.

FPN berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang, harmonis, dan berpegang teguh kepada agama. Antara lain, insan yang mencapai matlamat pendidikan yang digariskan oleh FPN merupakan insan yang memiliki dan menghayati enam ciri utama seperti yang berikut:

- Percaya dan patuh kepada Tuhan
- Berilmu pengetahuan dan berketrampilan
- Berakhlak mulia
- Memiliki personaliti yang seimbang dan sepadu
- Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara
- Berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

FPN menganjurkan proses atau konsep pendidikan bersepadu sepanjang hayat yang membentuk pertalian nyata antara bidang kerohanian, aektif, dan

psikomotor dalam usaha meningkatkan lagi potensi insan secara menyeluruh dari segi rohani, intelek, emosi, dan jasmani.

KBSM yang berasaskan konsep pendidikan bersepadu digubal berdasarkan FPN. Kurikulum ini mula dilaksanakan secara terhad pada tahun 1988. Mulai 1989, KBSM telah dilaksanakan di Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima pada tahun 1993.


KBSM merupakan satu usaha ke arah meningkatkan mutu pendidikan dengan menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Langkah ini bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara. Dalam usaha melahirkan rakyat yang sedemikian pelajar-pelajar dibantu untuk memperkembangkan potensi mereka dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani secara menyeluruh dan bersepadu, bagi menyesuaikan diri mereka dalam masyarakat setelah mereka meninggalkan alam persekolahan (Kementerian Pendidikan Malaysia, Falsafah Pendidikan Negara, 1988).

Komponen nilai terangkum dalam perkembangan potensi pelajar dari segi rohani yang meliputi unsur-unsur berikut, iaitu; “memperkukuhkan lagi kepercayaan beragama; memperkembangkan lagi keyakinan terhadap Pencipta; peka terhadap nilai dan norma masyarakat; membentuk perlakuan dan peribadi berlandaskan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia” (Kementerian Pendidikan Malaysia, KBSM, 1987).

Nilai-nilai murni merupakan elemen yang penting dalam FPN, sama ada pada tahap proses, matlamat, dasar ataupun hasil seperti yang tergambar dalam Rajah 1.2 (Awang Sariyan, 1989).

## RAJAH 1.2

### Elemen penting dalam Falsafah Pendidikan Negara



(Sumber: Awang Sariyan, 1989)

Pendidikan adalah satu proses pembangunan insan yang menyeiuruh bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat, dan negara. Proses pembangunan insan yang dilalui berasaskan kurikulum yang dibina oleh negara tertentu. Kurikulum bagi sesebuah negara perlu membawa matlamat, fokus, dan aspirasi pendidikan negara berkenaan. Penekanan yang sama juga diberi dalam pembinaan kurikulum di Malaysia. Kurikulum yang dibina hendaklah memenuhi hasrat dan aspirasi FPN serta agenda pembangunan kemajuan Malaysia. Pelaksanaannya juga harus dapat membantu perpaduan rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum.

Dalam konteks itu Muhamad Said (1991) menegaskan, falsafah dan matlamat pendidikan yang luhur dan indah hanya akan tinggal di kertas jika tidak diterjemah dan dijelmakan secara praktis. Justeru itu, perlu dicari dan digariskan strategi yang sesuai bagi menterjemah, mengoperasi dan menjayakan hasrat falsafah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis demi mencapai kemakmuran masyarakat dan negara.

Penulis juga sedar bahawa falsafah murni, jika tidak diterjemahkan ke dalam kurikulum secara terperinci, perancangan yang teratur, kaedah latihan guru yang cukup baik dan pengurusan sekolah yang cukup berkesan, akan tinggal sebagai pernyataan falsafah sahaja. Oleh itu, yang perlu ditekankan juga ialah penyediaan beberapa strategi pelaksanaan.

Strategi penyerapan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan yang diamalkan dalam KBSM ialah strategi bersepadu iaitu dengan menyerapkan nilai-nilai tersebut dalam semua mata pelajaran. Walaupun perkara-perkara ini menjadi tema utama dalam bidang Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, namun nilai-nilai murni boleh disampaikan dalam mata-mata pelajaran lain secara

tidak langsung. Ini adalah sebagai suatu usaha ke arah perkembangan potensi pelajar, khasnya dalam bidang emosi dan rohani.

Pengkaji berpendapat, sesuatu mata pelajaran yang ingin disampaikan perlulah berpandukan pada suatu bahan sebagai pegangan. Memang tidak dapat dinafikan, buku teks merupakan salah satu bahan yang penting dalam merealisasikan matlamat/objektif kurikulum sesebuah negara. Selaras dengan itu, wujudlah Bahagian Buku Teks (BBT) dengan peranan yang ditetapkan iaitu memastikan buku teks yang digunakan di sekolah adalah seragam dan berkualiti. Di samping itu, BBT juga berperanan sebagai pengawal dari segi penggunaan buku teks di sekolah secara menyeluruh iaitu dari aspek kesesuaian kandungannya, aspek fizikal, dan juga kesesuaian harganya.

Penghasilan buku teks mengambil kira kesemua kehendak kurikulum dan sukatan pelajaran yang perlu dijelmakan dengan baik, menyeluruh, bersepadu, ke arah menghasilkan buku teks yang pragmatik dan dinamik. Oleh itu, buku teks mengaplikasikan FPN yang menjurus kepada pembinaan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Persoalan seterusnya ialah adakah buku teks sains tidak terkecuali dalam mencapai hasrat penghasilan buku teks sebagai wadah pembinaan insan untuk mencapai matlamat pendidikan seperti yang dinyatakan dalam FPN?

Walau bagaimanapun sesuai dengan peranan pendidikan sains dalam KBSM yang memainkan dua fungsi utama, khususnya mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mata pelajaran sains sewajarnya dapat menerapkan sebanyak mungkin nilai-nilai murni menerusi pengajaran dan pembelajarannya. Dua fungsi utama pendidikan sains dalam KBSM ialah, pertama, memberikan pendidikan sains yang bercorak umum kepada pelajar agar menjadi warganegara



Malaysia yang celik sains, dan fungsi ke dua, ialah memberikan pendidikan sains yang bercorak khusus kepada pelajar mengikut minat, bakat dan kebolehan sebagai asas untuk melanjutkan pendidikan dalam bidang-bidang yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran sains yang mendalam.

### 1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan menentukan sejauh manakah penerapan nilai-nilai murni dalam buku teks sains KBSM di peringkat menengah rendah menyalurkan maklumat, objektif dan hasrat yang terkandung dalam kurikulum yang digubal. Kajian ini akan mentafsirkan sejauh manakah buku teks sains KBSM di peringkat menengah rendah yang menjadi alat atau bahan pengajaran, dapat menerapkan nilai-nilai murni secara menarik dan berkesan.

Kajian ini juga diharap akan dapat menentukan sejauh manakah buku teks sains KBSM peringkat menengah rendah mempunyai pengaruh tertentu dalam membentuk sifat, sikap, nilai serta unsur sahsiah dalam diri pelajar selaras dengan FPN. FPN yang diterima umum pada tahun 1988 berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang, harmonis, dan berpegang teguh kepada agama.

Kajian ini ingin melihat penerapan nilai-nilai murni dalam buku teks sains KBSM di peringkat menengah rendah dan membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Buku teks merupakan satu penentuan penting mengenai pencapaian pelajar dalam pelajaran, di samping itu dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akhlak seperti yang di tentukan dalam FPN.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Menghuraikan konsep nilai-nilai murni.
2. Mengetahui apakah nilai-nilai murni yang terdapat dalam buku teks sains menengah rendah.
3. Mengetahui sejauhmanakah sub kategori nilai murni dapat digambarkan dalam buku teks sains menengah rendah yang dikaji.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Selaras dengan FPN , KBSM digubal berdasarkan prinsip persepaduan antara unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani. Persepaduan unsur-unsur ini akan membolehkan potensi individu berkembang secara menyeluruh dan seimbang. Untuk mencapai Matlamat Pendidikan Kebangsaan, pelajar diberi peluang menghayati nilai-nilai murni serta mengamalkannya dalam kehidupan mereka melalui mata pelajaran Pendidikan Moral secara langsung, dan melalui mata-mata pelajaran lain secara tidak langsung.

Namun begitu, apa yang berlaku ialah FPN ternyata kurang dilaksanakan oleh warga pendidik. Ia lebih merupakan lambang dan slogan sahaja. Sementara lebih menyedihkan, matlamat pendidikan didapati semakin kabur terutama dengan pelaksanaan konsep pengkopratan dan penswastaaan dalam pendidikan. Ini menyebabkan pendidikan lebih berperanan sebagai sebuah kilang mengeluarkan sijil daripada peranannya sebagai satu usaha pembangunan insan menerusi proses budaya ilmu dengan penggunaan fikiran tinggi.

Penghasilan kurikulum bagi sesuatu mata pelajaran juga telah mengambil kira kehendak FPN serta matlamat pendidikan negara . Peghasilan buku teks juga mengambil kira kesemua kehendak kurikulum dan sukatan pelajaran yang perlu dijelmakan dengan baik , menyeluruh , bersepadu ke arah menghasilkan buku teks yang pragmatik dan dinamik di samping mengaplikasikan FPN yang menjurus kepada pendidikan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani .

Menyedari betapa pentingnya pendidikan, pengkaji menganggap kajian ini perlu dijalankan kerana melihat kepada keperluan pendidikan semasa yang sentiasa berkembang. Di pihak perancangan dan penggubal kurikulum, pelaksana dan “agen penyaluran kurikulum”, seperti guru, harus dilihat sebagai satu kesatuan bagi memastikan matlamat kurikulum dicapai.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini terbatas pada enam judul buku teks sains menengah rendah. Dengan itu sebarang rumusan dalam kajian ini hanya tertumpu pada keenam-enam buku ini sahaja. Dalam mengkaji buku-buku ini, pengkaji meneliti dua aspek dalam buku teks, iaitu prosa dan ilustrasi. Buku ini ialah buku teks yang masih digunakan dalam sistem pendidikan P&P mata pelajaran sains di peringkat sekolah menengah rendah. Dari segi data, hanya bahan prosa dan ilustrasi sahaja yang diambil kira. Aspek lain tidak dilibatkan dalam kajian ini.